

19 AUG 1998

Abu Hassan-Mahathir

PERDANA MENTERI LAWAT SELANGOR 25 OGOS INI

SHAH ALAM, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Selangor pada 25 Ogos ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, hari ini berkata lawatan Dr Mahathir akan dimulai dengan perjumpaan tertutup bersama-sama pemimpin Umno negeri di kediaman rasmi beliau di Bukit Megawati di sini pada sebelah pagi.

Perjumpaan Dr Mahathir dengan rakyat pula akan diadakan di Stadium Malawati pada pukul 2.30 petang, katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Abu Hassan berkata pada majlis perjumpaan itu, beliau akan menyampaikan sumbangan rakyat Selangor untuk Dana Khas Negara kepada Perdana Menteri.

Menurutnya orang ramai yang ingin menyumbang kepada dana itu boleh menyerahkan sumbangan mereka pada satu majlis khas di Dewan Kayangan, Holiday Inn Shah Alam pada 24 Ogos ini.

Pada sidang media yang sama, Abu Hassan mengumumkan pelantikan bekas Pengarah Urusan Kumpulan Perangsang Selangor Datuk Zabir Bajuri sebagai Presiden Kumpulan Darul Ehsan Bhd.

Zabir menggantikan Datuk Yaacob Abdul Hamid yang meletakkan jawatan itu pada Jun tahun lepas. Jawatan itu kemudian dipangku oleh Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusuf mulai 1 Julai 1997.

Abu Hassan berkata pelantikan Zabir, yang kini Pengerusi Eksekutif Kumpulan DZB, syarikat miliknya sendiri, berkuatkuasa mulai 1 Sept ini.

Abu Hassan berkata Zabir yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (kepujian) dari Universiti Malaya adalah seorang yang berpengalaman dan pernah memegang beberapa jawatan penting di dalam dunia korporat.

Antara jawatan itu ialah Pengurus Besar dan Ketua Eksekutif Credit Guarantee Corporation, Pegawai Khas Eksekutif kepada Pengerusi Bank Bumiputera dan Ahli Ekonomi Bank Negara serta Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

-- BERNAMA

KM NAK